

SEKITAR R

EDISI 9 : 1 - 15 MEI 2016

MENAKHODAI TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM



Syarahana Perdana Sempena *CEO Faculty Programme*:
Transformasi Perkhidmatan Awam

ms2



Sesi Menandatangani Buku Lakaran
Kembara Transformasi

ms5



Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU
HRMIS Bil.1/2016

ms6



Air Asia WPUA *Fun Run* 2016

ms8

Majlis Penutup Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan di Syarikat-Syarikat Swasta Jerman Tahun 2016

PUTRAJAYA, 5 MEI 2016 - Majlis Penutup Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan di Syarikat-Syarikat Swasta Jerman Tahun 2016 (JPA-CDC 2016) telah diadakan di Hotel Everly, Putrajaya. Majlis Penutup ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri KPPA dan telah

disaksikan oleh wakil Kedutaan Jerman di Malaysia, En. Benhamin Hansen. Program JPA-CDC 2016 pada kali ini melibatkan seramai 14 orang peserta dari pelbagai agensi dan melibatkan 3 minggu program persediaan dalam negara dan 4 minggu di sekitar Jerman.



"A mind that is stretched by a new experience can never go back to its old dimensions."

Oliver Wendell Holmes

Syarahan Perdana Sempena *CEO Faculty Programme*: Transformasi Perkhidmatan Awam



UNIMAP, KANGAR, PERLIS, 6 MEI 2016 - Syarahan Perdana Transformasi Perkhidmatan Awam oleh YBhg. Tan Sri KPPA telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pada kesempatan ini juga Majlis Pelancaran Buku Lakaran Kembara Transformasi Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah diadakan dan telah diperkenankan oleh DTYM Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis.

Syarahan Perdana ini diangkat menjadi wacana intelektual dalam gapura keilmuan untuk direnungi dan diamati sebagai terjemahan pemikiran dan paradigma YBhg. Tan Sri KPPA. Hasrat untuk membawa budaya baharu dalam falsafah penyampaian perkhidmatan yang dibawa YBhg. Tan Sri KPPA seharusnya disusuli dalam

bentuk tindakan oleh para pentadbir, golongan ilmuwan, para penyelidik dan penjawat awam keseluruhannya.

Majlis pemertabatan ilmu ini telah menyaksikan sebuah karya istimewa iaitu "**Lakaran Kembara Transformasi Perkhidmatan Awam**" yang merupakan pengumpulan siri ucapan, perutusan dan syarahan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dalam pelbagai program, aktiviti dan mesyuarat utama yang signifikan kepada Perkhidmatan Awam negara bermula sejak Mac 2013 sehingga Mac 2016. YBhg. Tan Sri KPPA juga sempat meluangkan masa melawat kawasan kampus UniMAP dan berkongsi pengalaman dan pendapat semasa ditemu ramah oleh UniMAP FM.

Syarahan Perdana Sempena *CEO Faculty Programme*: Transformasi Perkhidmatan Awam



Program Ziarah Pesara @ Perlis



KANGAR, PERLIS, 6 MEI 2016 - Selaras dengan pelaksanaan Inisiatif *Flagship* JPA4U dan Syarahan Perdana Sempena CEO *Faculty Programme*: Transformasi Perkhidmatan Awam di UniMAP, Kangar, Perlis, YBhg. Tan Sri KPPA sempat meluangkan masa untuk menziarah pesara-pesara Perkhidmatan Awam di negeri itu.

Pelaksanaan program ziarah ini sedikit sebanyak dapat merapatkan jurang di antara JPA dan pelanggan-pelanggannya selaras dengan hasrat perkhidmatan yang lebih *customer centric* serta objektif Inisiatif *Flagship* JPA4U.



*“Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi.
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa.
Dalam kesempitan hidup ada kekuasaan ilmu.”*

Pujangga

Sesi Menandatangani Buku Lakaran Kembara Transformasi



SERDANG, SELANGOR, 9 MEI 2016 - Sesi menandatangani buku Lakaran Kembara Transformasi Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah berlangsung di reruai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di MAEPS, Serdang. Buku ini adalah kompilasi teks ucapan YBhg. Tan Sri KPPA sepanjang perkhidmatan YBhg. Tan Sri

menerajui kepimpinan JPA sejak dari bulan Mac 2013.

Nukilan ini adalah hasil usahasama di antara DBP dan JPA. Turut hadir bersama bagi memeriahkan majlis ini adalah barisan kepimpinan tertinggi JPA. Terima kasih kepada semua Pengurusan Tertinggi JPA dan pihak DBP yang telah bersama-sama memberi sokongan.

"Jika tujuan anda jelas, anda boleh mencapainya dengan mudah."

Lao Tze

Program Melakari Kecemerlangan Pelajar & Taklimat Faedah Persaraan di SMK Putrajaya Presint 16(1)



PUTRAJAYA, 9 MEI 2016 - Program Melakari Kecemerlangan Pelajar & Taklimat Faedah Persaraan telah diadakan di Dewan SMK Putrajaya Presint 16(1). Program ini anjuran Biro Pembangunan Puspanita JPA ini telah dirasmikan oleh YBhg Puan Sri Asmahan Ismail, isteri kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap pengerusi Puspanita JPA. Program turut dihadiri oleh Pengerusi Biro Pembangunan PUSPANITA JPA, Datin Amy Lim Kheng Gaik serta Pengarah Eksekutif OratisRx, Datin Rahimah Rais.

Ceramah berkaitan persediaan psikologi pelajar telah disampaikan oleh Encik Muhammad Faez bin Zakaria dari Bahagian Pengurusan Psikologi manakala bagi taklimat Model Baharu Penajaan JPA telah disampaikan oleh Encik Aris bin Abdul Rahman, Bahagian Pembangunan Modal Insan. Taklimat faedah persaraan telah berlangsung pada sesi petang kepada warga pendidik di Sekolah Menengah Presint 16(1). Taklimat telah disampaikan oleh YBhg Datuk Yeow Chin Kiong, Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan.



Perhimpunan Bulanan JPA



PUTRAJAYA, 12 MEI 2016 - Perhimpunan Bulanan JPA, bagi bulan April 2016 anjuran Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) telah diadakan di Auditorium JPA. Blok C1, Kompleks C, JPA. Tema perhimpunan yang dilaksanakan kali ini berkonsepkan *'Let's get hip!'* yang berteraskan saranan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal tentang kepuasan dan

keseronokan bekerja semasa sesi amanat tahun baru beliau awal tahun ini. Majlis ini juga menyaksikan pelancaran buku Transformasi Perkhidmatan Awam: Idea dan Realiti oleh YBhg. Tan Sri KPPA. Buku ini adalah hasil karya yang telah dibangunkan oleh Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSa).

"Masa depan itu dibeli oleh masa sekarang."

Samuel Johnson

Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU HRMIS Bil.1/2016



PUTRAJAYA 13 MEI 2016 - Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU HRMIS Bil.1/2016 yang merupakan mesyuarat berkala anjuran JPA melalui Bahagian Pembangunan & Pengurusan Maklumat Strategik (BPPMS) telah diadakan di Menara Seri Wilayah, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KPPA dan ahlinya terdiri daripada pucuk pimpinan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Ketua-Ketua Perkhidmatan,

Pengurusan Tertinggi JPA serta pegawai-pegawai kanan JPA.

Mesyuarat ini merupakan satu platform perbincangan bagi kalangan pegawai pengurusan atasan dan wakil-wakil agensi yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan terhadap strategi pelaksanaan HRMIS serta menilai laporan kemajuan pelaksanaan HRMIS di peringkat agensi.



Program Penghijauan Alam Perkhidmatan Awam @ NRE & JPA4U



CHERAS, KUALA LUMPUR 14 MEI 2016 - YBhg. Tan Sri KPPA telah merasmikan Program Penghijauan Alam Perkhidmatan Awam @NRE & JPA4U di Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh, Kuala Lumpur hari ini. Program ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' TKPPA(P), YBhg. Dato' TKPPA(O), YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Abd. Rahman bin Haji Abd. Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), pegawai-pegawai kanan daripada JPA, sukarelawan daripada JPA4U dan pegawai-pegawai muda dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Program ini telah diadakan di Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh yang mempunyai keluasan 14.51 hektar dan terletak di bandar Cheras berdekatan dengan Ibu Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Kawasan ini telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal pada tahun 1933 dan sebagai Santuari Burung pada tahun 1931.

Menyedari kepentingan dan fungsi hutan, NRE melalui jabatan dan agensinya giat melaksanakan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan termasuk melaksanakan penanaman pokok secara berterusan di kawasan hutan terosot dan hutan miskin, melaksanakan usaha-usaha restorasi di kawasan hutan yang telah diceroboh serta melaksanakan kempen secara berterusan bagi menyemai sikap tanggungjawab dan cintakan kehijauan dan alam sekitar secara amnya.

Sepakat di bawah payung Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS, NRE dengan kerjasama JPA melalui Inisiatif *Flagship* JPA4U menggembeng tenaga dalam menganjurkan program ini. Program ini bertujuan Program ini antara lain bertujuan untuk memulihara kawasan Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh dan menyemai sikap cintakan kehijauan dan pokok-pokok di kalangan penjawat awam.



"The best time to plant a tree was 20 years ago. The second best time is now."

Chinese Proverb

Air Asia WPUA Fun Run 2016



PUTRAJAYA, 14 MEI 2016 - Berlangsung di Taman Botani Putrajaya, YBhg. Tan Sri KPPA telah melancarkan kad kesetiaan Waran Perjalanan Udara Awam AirAsia (WPUA) BIG yang merupakan keahlian eksklusif untuk penjawat awam Malaysia sempena Air Asia WPUA Fun Run 2016. Perkhidmatan AirAsia WPUA BIG ini menawarkan perkhidmatan tambah nilai percuma kepada penjawat awam seperti seleksi tempat duduk; hidangan makanan

dan minuman; perlindungan insurans; penukaran penerbangan yang tidak kurang dari 24 jam sebelum masa penerbangan, dan lain-lain lagi.

Hadir sama ialah Cik Aireen Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia Sdn Berhad dan seramai 3,000 orang penjawat awam telah meyertai larian yang julung-julung kali diadakan.



IKUTI KAMI



www.jpa.gov.my



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM